



## NOMBOR WHATSAPP TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. NOMBOR ERA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT (DIKENALI SEBAGAI “T&C”) ADALAH TERPAKAI KEPADA SEMUA PENGGUNA/PENGHANTAR NOMBOR WHATSAPP (DIKENALI SEBAGAI “MESSENGER”) YANG DIMILIKI / DIKENDALIKAN / DIJAGA OLEH ASTRO RADIO SDN BHD (DIKENALI SEBAGAI “ASTRO RADIO” / “KAMI”).
2. T&C INI BOLEH DIPINDA ATAU DIUBAH DARI SEMASA KE SEMASA OLEH ASTRO RADIO TANPA SEBARANG NOTIS, DAN PENGGUNAAN MESSENGER OLEH ANDA SELEPAS ITU AKAN DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN ANDA KEPADA MODIFIKASI, PERUBAHAN, PEMINDAAN ATAU UPDATE TERSEBUT.
3. Dengan mengakses atau menggunakan Messenger ini, anda akan dianggap bahawa anda telah membaca, mengetahui, menerima dan bersetujui dengan T&C dan Notis Privasi kami yang terdapat pada laman web kami. Kami merizabkan hak untuk tidak berkomunikasi dengan anda melalui Messenger dan juga hak kami untuk mengehadkan dan/atau menyekat komunikasi anda dengan kami melalui Messenger atas budibicara mutlak kami dan kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pengehadan atau penyekatan tersebut.
4. PENTAKRIFAN

Dalam T&C, melainkan yang tidak konsisten dengan konteks atau dinyatakan sebaliknya, ungkapan berikut mempunyai makna yang dibentangkan berikutnya –

|                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| “Astro Group”                        | bermakna Astro Malaysia Holdings Sdn Bhd (“AMH”) dan sesiapa atau sebarang entiti yang dikuasai oleh, atau dibawah kawalan bersama AMH. “Kuasa” bermakna pemilikan saham sebanyak lima puluh peratus (50%) atau lebih undi yang boleh dipakai semasa mesyuarat agung (atau yang bersamaan) satu syarikat.                                    |
| “Astro Radio / Kami”                 | bermakna Astro Radio Sdn Bhd (403472-D).   |
| “Kandungan”                          | Bermakna semua bentuk teks, pautan, gambar, grafik, video, audio, fail, imej, gambar, logo, klip video, streaming video, berita, berita semasa atau data atau maklumat.  |
| “Platform”                           | Bermakna stesen radio, laman web, aplikasi mudah alih, platform sosial media dan platform lain yang mungkin dimiliki, dikendalikan dan/atau dioperasi oleh Astro Radio dan/atau Astro Group, dari semasa ke semasa.  |
| “Pos/Dipos”                          | Bermakna untuk menyampaikan, menghantar, menerbitkan, mempamerkan, menyerahkan dan/atau muat naik.   |
| “Pengguna/Anda”                      | bermakna individu atau entiti yang mengakses / menggunakan Messenger, yang mana termasuk (walaupun tidak terhad kepada) pendengar, peserta, organisasi dan syarikat.   |
| “Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna” | bermakna sebarang material, data yang dikongsi, atau sumbangan yang dimuatnaik termasuk tanpa had semua bentuk teks, pautan, gambar, grafik, video, audio, fail, imej, gambar, logo, klip video, streaming video, berita, berita semasa atau data atau maklumat Dipos oleh mana-mana Pengguna (termasuk anda) kepada kami melalui Messenger. |

## 5. DATA PERIBADI

- 5.1 Untuk mengetahui bagaimana kami mengumpul dan melindungi data peribadi anda, sila merujuk kepada Notis Privasi yang terdapat dalam laman web kami. Sebarang maklumat yang bukan peribadi atau material yang dihantar oleh anda kepada kami akan secara amnya TIDAK akan dianggap sebagai sulit.
  - 5.2 Kami hanya akan mengumpul, memproses, menggunakan dan berkongsi maklumat peribadi anda menurut Notis Privasi kami dan sebagaimana yang dibentangkan dalam T&C. Dengan mengakses / menggunakan Messenger, anda akan dianggap telah memberi kebenaran kepada kami untuk mengumpul, memproses, menggunakan dan berkongsi maklumat peribadi anda menurut Notis Privasi kami. Sekiranya anda tidak bersetujui dengan Notis Privasi kami, anda tidak harus mengakses / menggunakan Messenger.
  - 5.3 Jika anda berusia di bawah umur 18 tahun, Aanda mesti meminta kebenaran ibu bapa / penjaga sebelum mengakses dan/atau menggunakan Messenger. Budi bicara ibu bapa adalah dinasihatkan kepada semua pengguna di bawah umur 18 tahun. Untuk pengguna di bawah 18 tahun, kami menggalakkan ibu bapa dan/atau penjaga untuk memantau penggunaan Messenger oleh anak-anak mereka agar tidak memberikan sebarang data peribadi melalui Messenger tanpa kelulusan anda. Sekiranya anda percaya bahawa anak di bawah umur 18 tahun telah memberikan data peribadi kepada kami melalui Messenger, sila menghubungi kami dan kami akan berusaha untuk memadam komunikasi sedemikian dalam Messenger. Jika tidak, semua data peribadi yang diberikan oleh seseorang pengguna akan dianggap bahawa diberikan oleh seseorang pengguna yang berumur 18 tahun ke atas atau telah memperolehi kebenaran daripada ibu bapa / penjaga mereka.
6. Messenger ini adalah untuk kegunaan persendirian dan bukan komersial sahaja, kecuali yang selainnya dipersetujui. Anda tidak boleh menggunakan Messenger atau mana-mana bahagian untuk tujuan komersial, sama ada untuk tujuan mendapatkan sebarang bentuk keuntungan atau faedah daripada pelanggan anda atau pengguna-pengguna lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada kami, termasuk dan tidak terhad menambah kami ke sebarang sembang kumpulan melalui Messenger.
7. Anda menjamin bahawa semasa mengakses / menggunakan Messenger, anda tidak akan Pos sebarang Kandungan –
- 7.1 Yang mengandungi bahan lucah atau pornografi, termasuk penggunaan bahasa kasar atau tidak sesuai dan / atau rujukan seksual;
  - 7.2 Yang menggalakkan perkauman, ketaksuban, kebencian atau kecederaan fizikal dalam apa jua bentuk terhadap mana-mana kumpulan atau individu atau parti politik;
  - 7.3 Yang mengganggu atau menyebabkan gangguan terhadap orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja-pekerja, pemegang-pemegang saham, pengarah-pengarah, kontraktor-kontraktor, ejen-ejen dan lain-lain;
  - 7.4 yang menghantar "mesej junk", "spam" atau mana-mana mel massa yang tidak diminta atau komunikasi lain;
  - 7.5 yang merangkumi apa-apa maklumat yang anda tahu adalah palsu, menipu atau mengelirukan;
  - 7.6 yang menggalakkan aktiviti haram atau kelakuan yang kesat;
  - 7.7 yang melanggar sebarang hak harta intelek atau hak milik orang lain;
  - 7.8 yang mengancam, lucah, fitnah, atau libel kepada mana-mana individu atau organisasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada sekutu-sekutu kami, pekerja-pekerja, pemegang-pemegang saham, pengarah-pengarah, kontraktor-kontraktor, ejen-ejen dan lain-lain;
  - 7.9 yang menjadi atau termasuk sebarang salinan haram atau tidak sah karya hak cipta atau hak cipta orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, (a) program komputer cetak rompak atau pautan kepada mereka, (b) muzik cetak rompak, imej atau video, atau pautan ke muzik cetak rompak, fail imej atau video;

- 7.10 yang anda tidak mempunyai hak secara sah (seperti maklumat dalaman, maklumat yang dimiliki oleh orang lain atau maklumat sulit);
  - 7.11 yang merangkumi atau termasuk apa-apa promosi, jualan atau aktiviti komersial yang lain seperti cabutan bertuah, tukar barang, pengiklanan atau aktiviti pemasaran yang lain; dan
  - 7.12 yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan termasuk apa-apa kod dan nasihat garis panduan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.
8. Kami merizabkan hak untuk menyasiat dan mengambil tindakan undang-undang yang sesuai, mengikut budi bicara kami, terhadap sesiapa yang melanggar mana-mana atau bahagian daripada peruntukan dalam fasal 7 ini, termasuk tanpa had kepada melaporkan kesalahan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Anda akan membayar balik kami daripada semua yuran guaman, kerosakan dan perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung oleh kami akibat kemungkiran anda atas sebarang waranti tersebut.
9. Penyertaan Peraduan
- 9.1 Sekiranya cara penyertaan satu peraduan yang dianjurkan oleh Astro Radio adalah melalui Messenger, penghantaran penyertaan anda tidak menjamin peluang anda untuk menyertai dalam peraduan tersebut.
  - 9.2 Astro Radio berhak untuk menolak atau membantah penyertaan anda untuk apa-apa alasan, termasuk (tanpa had) penghantaran anda yang tidak lengkap atau sebarang perutukan dalam Terma-Terma Asas Peraduan dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Lazim Peraduan adalah tidak dipatuhi atau dipenuhi oleh anda.
10. Sebagai balasan Astro Radio menawarkan anda peluang untuk berkomunikasi melalui Messenger, anda dengan ini tanpa syarat dan tidak boleh dibatalkan –
- 10.1 Menjamin dan membuat representasi bahawa anda mempunyai semua hak, persetujuan dan kuasa yang diperlukan untuk membolehkan dan memberi kuasa kepada Astro Radio untuk mempunyai hak yang kekal dan budi bicara mutlak untuk menyiarkan, menggunakan, mengeluarkan semula, mengedit, mengubah suai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat derivatif kerja dari, menyimpan, mengedar, mempersembahkan, memainkan, menjadikan tersedia untuk orang ramai, dan menjalankan segala hak cipta dan publisiti berkenaan dengan Kandungan yang Dihasilkan Pengguna di seluruh dunia dan/atau menggabungkan Kandungan Dihasilkan Pengguna dalam kerja-kerja lain dalam mana-mana Platform, yang diketahui kini atau yang akan dihasilkan kemudian, untuk sebarang hak pada terma sepenuhnya yang mungkin wujud dalam Kandungan yang Dihasilkan Pengguna, dan mengikut sekatan privasi yang terdapat dalam Notis Privasi kami;
  - 10.2 bersetuju bahawa anda bertanggungjawab untuk Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna yang Dipos melalui Messenger dan semua hak cipta yang wujud dalam Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna adalah hak milik Astro Radio sepenuhnya;
  - 10.3 bersetuju bahawa Astro Radio berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menggunakan dan mengeksploitasi Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna melalui apa-apa cara atau media dan dalam mana-mana Platform dan pada bila-bila masa yang difikirkannya patut tanpa mendapat apa-apa persetujuan atau membuat apa-apa bayaran jua kepada anda dan/atau mana-mana pihak ketiga;
  - 10.4 mengesahkan yang anda telah membaca dan memahami T&C dan anda bersetuju untuk mematuhi dengan sewajarnya dan bersetuju untuk bekerjasama;
  - 10.5 bersetuju bahawa anda tidak akan melalui perbuatan atau peninggalan, secara langsung atau tidak langsung, membawa Astro Radio nama buruk;

- 10.6 bersetuju bahawa sama ada atau tidak Kandungan Yang Dihasilkan Pengguna disiarkan, digunakan, dihasilkan semula, diedit, diubah suai, disesuaikan, diterbitkan, diterjemahkan, disimpan, diedarkan, dimainkan atau disediakan kepada orang ramai oleh kami, kami tidak menjamin apa-apa kesulitan berkenaan dengan mana-mana Kandungan yang Dihasilkan Pengguna;
  - 10.7 bersetuju bahawa anda tidak boleh tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Astro Radio menyiarkan, membuat cetakan skrin anda, mengedar atau mendedahkan apa-apa maklumat kepada orang ramai berkaitan dengan komunikasi anda dengan kami melalui Messenger; and
  - 10.8 bersetuju untuk menanggung sepenuhnya pembayaran semua caj yang dikenakan akibat daripada akses / penggunaan Messenger oleh anda.
11. T&C hendaklah ditafsirkan, ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
  12. Anda hendaklah menganggap semua maklumat dan pengetahuan yang diperolehi oleh anda berhubung dengan dan / atau berkaitan dengan Messenger dan / atau yang diperolehi akibat daripada akses / penggunaan anda berkenaan dengannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbuahan dalam Messenger, mekanik, kriteria pemilihan ("Maklumat Sulit") sebagai sulit dan anda hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan pendedahan Maklumat Sulit kepada mana-mana orang atau entiti untuk apa-apa sebab.
  13. Anda selama-lamanya menyetepikan, melepaskan dan membebaskan Astro Radio, agensi-agensi, sekutu-sekutu, penaja-penaja dan wakil-wakil daripada dan terhadap, sebarang dan semua liabiliti, kos, kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang anda atau mana-mana pihak yang menuntut melalui anda selepas ini yang mungkin timbul daripada akses / penggunaan Messenger oleh anda termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kecederaan diri, fitnah, tuntutan pihak ketiga dan / atau kerosakan kepada harta dan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada itu atau boleh dijangka.
  14. Anda bersetuju untuk menanggung rugi Astro Radio, syarikat-syarikat gabungan, ejen-ejen dan penaja-penaja daripada dan terhadap semua liabiliti, kos, kerugian atau perbelanjaan yang dialami yang timbul daripada atau akibat daripada pelanggaran mana-mana obligasi dan waranti dalam T&C dan/atau akses/penggunaan Messenger anda termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kecederaan diri, fitnah, tuntutan pihak ketiga dan/atau kerosakan kepada harta dan sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada itu atau boleh dijangka.
  15. Anda mengakui bahawa akses / penggunaan anda dalam Messenger hendaklah pada setiap masa mematuhi sepenuhnya semua undang-undang (termasuk undang-undang privasi) dan peraturan-peraturan.
  16. Hak dan keistimewaan diberikan kepada Astro Radio di sini adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada pembatalan, sekatan atau injunksi di bawah mana-mana dan semua keadaan. Dalam apa jua keadaan, anda tidak mempunyai hak untuk mendapatkan relif injunksi atau untuk menghalang atau mengganggu Messenger, operasi dan perniagaan Astro Radio dan/atau Astro Group.
  17. Ketidaksahan mana-mana terma, penyalahan undang-undang mana-mana terma atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma di bawah ini tidak boleh menjejaskan atau merosakkan penguatkuasaan bersinambungan yang berkenaan dengan terma-terma baki dalam T&C.

\* \* \* \* \*